

# Syarikat swasta perlu bersedia

U.M. 12 JUN 1993

**K**UALA LUMPUR 11 Jun — Syarikat-syarikat swasta Malaysia perlu bersedia menerima hakikat bahawa perlindungan yang kerajaan berikan kepada mereka sekarang akan dihentikan satu hari nanti.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan, sebagai sebuah ekonomi yang dipengaruhi oleh keadaan di luar negara, Malaysia perlu komited kepada pelaksanaan sistem ekonomi dunia yang liberal dan terbuka.

Menurut Dr. Mahathir, bagi mencapai hasrat ini, kerajaan akan terus menggubal dasar-dasar yang menggalakkan pembangunan industri serta merangsang aliran masuk pelaburan.

"Justeru itu, sektor

swasta hendaklah berusaha meningkatkan persediaan mereka bagi menghadapi pasaran terbuka tanpa perlindungan," kata beliau.

Berucap melancarkan penubuhan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di sini petang ini, Perdana Menteri berkata, pengeluar-pengeluar Malaysia harus sedar persaingan di pasaran antarabangsa semakin mencabar.

Katanya: "Kelebihan untuk bersaing dalam banyak keadaan ditentukan oleh keupayaan sesebuah syarikat mengamalkan inovasi daripada segi teknologi pengeluaran yang dapat mengurangkan kos dan meningkatkan mutu keluaran.

Dr. Mahathir berkata, realiti saingan ini perlu disedari dan syarikat-

syarikat Malaysia harus sanggup membuat pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Syarikat swasta tidak boleh terlalu mengharapkan insentif kerajaan semata-mata," kata beliau.

## Perbelanjaan

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan yang diperuntukkan kepada bidang R&D di negara ini terlalu kecil.

Katanya, peruntukan R&D pada tahun 1992 hanya 0.8 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), dan daripada jumlah ini, sektor swasta hanya menyumbangkan 20 peratus.

"Ini tidak mencukupi. Sektor swasta perlu mengeluarkan lebih banyak

perbelanjaan untuk pembangunan dan penyelidikan.

"Melalui R&D kita akan dapat membangunkan sesuatu keluaran hingga menjadi lebih istimewa atau mempunyai nilai ditambah yang tinggi," kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata, peruntukan bagi tujuan R&D oleh sektor swasta tidak semestinya besar, memadai jika sesebuah syarikat itu peka kepada keperluan menyesuaikan keluaran mereka dengan keperluan semasa.

Menurut beliau, bagi melengkapkan hubungan perdagangan antarabangsa di peringkat kerajaan dengan kerajaan, sektor swasta digalakkan mengukuhkan hubungan dengan rakan-rakan swasta mereka di negara berkenaan.

"Kerajaan sentiasa menggalakkan penubuhan persatuan atau majlis perdagangan antara sektor swasta Malaysia dengan rakan-rakan mereka di negara yang mempunyai hubungan dagangan dengan Malaysia," kata Dr. Mahathir.

Dalam meneroka pasaran antarabangsa, syarikat-syarikat negara ini

hendaklah bersedia dan seharusnya mampu menawarkan tolak-ansur laluan pasaran kepada rakan niaga mereka, kata Perdana Menteri.

Mengenai penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa, beliau berkata, kerajaan akan terus menyokong langkah mewujudkan dasar-dasar perdagangan yang tidak

mempunyai unsur diskriminasi oleh mana-mana negara.

"Dalam hal ini, peraturan-peraturan untuk mengawal amalan perdagangan hendaklah digunakan secara adil dan tidak disalahgunakan sebagai alat untuk menekan negara kecil," kata Perdana Menteri.